

Kembalikan gah bahasa Melayu dalam ekonomi



Oleh PROF DR. ZAFIR KHAN MOHAMED MAKBUL



PEDAGANG-PEDAGANG dari dalam dan luar negara berkomunikasi dalam bahasa Melayu sebagai bahasa perhubungan di kebanyakan pelabuhan di dunia pada zaman silam.

BAHASA dan kehidupan tidak mungkin dapat dipisahkan. Seseorang yang cuba mengabaikan bahasanya, bermakna mengabaikan nilai dan budaya hidup, jati diri serta masyarakatnya.

Bahasa rasmi sesebuah negara merupakan khazanah bernilai tinggi yang perlu diperkasa oleh setiap individu tanpa mengira ras dan agama selagi dia bergelar warganegara. Dalam konteks Malaysia, keyakinan anak bangsa untuk melihat bahasa Melayu terus berada pada kedudukan yang sepatutnya sangat penting dan bahasa Melayu bukan pula hak mutlak kaum Melayu tetapi milik masyarakat majmuk Malaysia.

Malang sekali dewasa ini apabila didapati keyakinan anak Malaysia terhadap keupayaan berbahasa Melayu semakin goyah dek pengaruh besar bahasa Inggeris terutamanya dalam urusan ekonomi dan perniagaan.

Penguasaan besar bahasa Inggeris dalam hal ehwal ekonomi dan perniagaan hari ini menyebabkan penulis terpujukkan mengajak pembaca mengengahkan kembali zaman kegemilangan bahasa Melayu satu ketika dahulu. Hari ini dunia mengangkat bahasa Inggeris sebagai lidah bagi kebanyakan kegiatan ekonomi dan perniagaan sedangkan sejarah telah membuktikan bahawa peranan tersebut pernah dimainkan bahasa Melayu.

Bahasa Melayu mula menjadi bahasa perdagangan dalam kalangan penduduk Melaka dan para pedagang dari luar Tanah Melayu. Bahasa Melayu pernah dikenali sebagai *lingua franca* oleh para pedagang dari dalam dan luar negara yang bergiat di Tanah Melayu. Mereka juga ketika itu telah bersetuju bahawa bagi memudahkan perniagaan, bahasa anak negeri itu perlu difahami dan dikuasai. Kepuluhan Melayu ketika itu terdiri daripada Semenanjung Tanah Melayu, Sumatera, Jawa, Kalimantan, Sulawesi, Maluku dan beberapa kepulauan lain.

Setiap pulau mempunyai bahasa pertuturan mereka sendiri tetapi dalam urusan perniagaan terutama di pelabuhan, bahasa Melayu telah dipilih secara konsensus.

Kehebatan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam ekonomi dan perniagaan tidak perlu dipertikaikan lagi. Bermula dari zaman kegemilangan tamadun Melayu Melaka, ia berterusan sehingga Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya pada tahun 1957.

Pendidikan

Sejak detik pengisytiharan kemerdekaan tersebut, bahasa Melayu telah dinobatkan sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa pengantar dan bahasa ilmu.

Perlembagaan Persekutuan juga telah meletakkan bahasa Melayu ke tempat tertingginya iaitu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi sebagai mana yang telah diwartakan dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1967. Kedudukannya diperkuat lagi sebagai bahasa pengantar dalam institusi pendidikan seperti yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1961 dan Akta Pendidikan 1966. Penyata Razak 1959, Laporan Rahman Talib 1960 dan Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelajaran 1979 pula telah memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi utama dalam sistem pendidikan negara.

Perkembangan bahasa Melayu pada zaman kerajaan Melayu Melaka menunjukkan bagaimana ia digunakan secara meluas dalam bidang ekonomi dan perniagaan. Rasis kemesraan, perpaduan, keharmonian masyarakat berbilang kaum, keturunan, puak dan suku yang terdapat di Melaka ketika itu adalah disebabkan bahasa Melayu yang dijadikan bahasa perantaraan dalam urusan ekonomi serta perniagaan.

Setiap pedagang yang datang ke Melaka mestilah mampu bertutur dalam bahasa Melayu bagi membolehkan mereka berniaga secara bebas dan mendapat keuntungan optimum. Bahasa Melayu bukan sahaja dipertuturkan di pelabuhan Melaka dan pelabuhan lain di alam Melayu, malah ia digunakan di pelabuhan-pelabuhan besar dunia seperti Kaherah, Mesir; Cambay, India; Ormus, Iran serta Venice, Itali.

Jadi, tidak hairanlah jika bahasa Melayu boleh didengari di pelabuhan Venice, iaitu sebuah pelabuhan sibuk yang menghubungkan semua Eropah dan negara-negara di Timur. Berdasarkan catatan sejarah itu, ia menunjukkan bahawa bahasa Melayu sebenarnya amat signifikan dalam urusan perniagaan.

Kini, kegemilangan bahasa Melayu dalam urusan ekonomi dan perniagaan hanya tercatat dalam sejarah. Cabaran globalisasi

dalam ekonomi dan perniagaan masa kini meninggalkan kesan mendalam kepada bahasa Melayu. Kecenderungan ekonomi negara ke arah perindustrian menyebabkan peningkatan kemusukhan organisasi multinasional ke Malaysia. Fenomena itu menjadi antara faktor yang menenggelamkan fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa perniagaan dan ia diganti bahasa Inggeris.

Dilema

Hal yang demikian mewujudkan dilema dalam kalangan masyarakat dan pemimpin. Rakyat dilihat perlu menguasai bahasa Inggeris tetapi dalam masa yang sama bahasa Melayu harus dipertahan dan dimartabatkan. Keadaan itu akhirnya membawa kepada kekeliruan dan keraguan kepada semua pemegang taruh. Ia semakin memburuk sementelah sektor ekonomi negara masa kini mula dikuasai oleh orang luar dan bangsa asing.

Berikutan perubahan landskap ekonomi dan perniagaan global, kedudukan bahasa Inggeris di Malaysia semakin kuat dan sedikit sebanyak mempengaruhi kedudukan bahasa Melayu.

Ia juga berlaku disebabkan oleh pembudayaan yang mendalam melalui sistem pendidikan, tempoh penjajahan negara yang panjang dan penerimaan bidang moden yang diasaskan oleh tamadun Barat.

Meskipun wujud usaha mengembalikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dalam bidang ekonomi dan perniagaan, masyarakat didapati masih gentar akan kewibawaan serta keupayaannya, malah ada pihak secara terang-terangan mempertikaikan usaha murni tersebut.

Justeru, para pelajar terus disogokkan dengan pelbagai bahan rujukan yang ditulis dalam pelbagai bahasa asing terutamanya bahasa Inggeris. Bahasa Melayu pula, ia secara beransur-ansur ditolak ke tepi, ditinggalkan dan seolah-olah dianaktirikan di bumi sendiri.

• PROF DR. ZAFIR KHAN MOHAMED MAKBUL ialah Timbalan Dekan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
• Artikel ini merupakan siri pertama daripada penulisan Prof. Dr. Zafir.